

CABARAN PEMBANGUNAN DAN SOSIOEKONOMI DI SARAWAK DAN SABAH

Mempelbagaikan kegiatan ekonomi

- Sungguhpun Sarawak dan Sabah kaya dengan hasil bumi dan hasil hutan, rakyatnya masih mengamalkan pertanian sara diri.
- Bagi melibatkan rakyat Sarawak dan Sabah dengan ekonomi komersial, kerajaan perlu menyusun bidang pekerjaan.
- Salah satu usaha yang dilaksanakan ialah mempelbagaikan pertanian komersial seperti kelapa sawit, getah dan koko.
- Kerajaan juga membuka peluang kepada penduduk Sarawak dan Sabah untuk menyertai kegiatan ekonomi berkaitan dengan petroleum.

Memajukan sistem perhubungan dan pengangkutan

- Saiz negeri Sarawak dan Sabah yang besar menjadi satu cabaran kepada kerajaan Persekutuan untuk memajukan perhubungan dan pengangkutan.
- Kedua-dua negeri tersebut masih bergantung kepada sistem pengangkutan air, iaitu sungai dan laut untuk tujuan pengangkutan dan perhubungan.
- Usaha utama kerajaan adalah untuk membina sistem pengangkutan dan perhubungan yang sempurna terutamanya kepada penduduk di kawasan pedalaman.
- Usaha penyeimbangan pembangunan dilakukan melalui Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia.
- Bermula Rancangan Malaysia Pertama pada tahun 1966, Sarawak dan Sabah dimasukkan dalam rancangan pembangunan negara.

Memajukan sistem pendidikan

- Pada zaman penjajahan British, kebanyakan sekolah yang wujud adalah sekolah vernakular Inggeris dan Cina yang berada di kawasan bandar.
- Penduduk di kawasan pedalaman tidak mendapat peluang secukupnya untuk bersekolah.
- Selepas pembentukan Malaysia, usaha membina sekolah dan melatih guru diberi tumpuan bagi memberi peluang pendidikan kepada penduduk, khususnya kaum bumiputera.

